

Bil. 7

Rabu

22 Julai 2020



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

*Parliamentary Debates*

## KAMAR KHAS

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

## K A N D U N G A N

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- **Peruntukan untuk Pembangunan Hospital dan Klinik Kesihatan di Bukit Bendera**  
- *YB. Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)* (Halaman 1)
- **Statistik Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhadap**  
- *YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)* (Halaman 3)

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA  
Rabu, 22 Julai 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Peruntukan untuk Pembangunan Hospital  
dan Klinik Kesihatan di Bukit Bendera**

**2.34 ptg.**

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada kesempatan petang ini, izinkan saya membangkitkan isu yang berkaitan dengan peruntukan untuk pembangunan hospital dan klinik kesihatan di bawah kawasan Parlimen Bukit Bendera.

Terdapat sebuah hospital dan empat buah klinik di Parlimen Bukit Bendera iaitu:

- (i) Hospital Besar Pulau Pinang;
- (ii) Klinik Kesihatan Tanjung Bungah;
- (iii) Klinik Kesihatan Bukit Bendera;
- (iv) Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Tanjong Tokong; dan
- (v) Klinik Pergigian Tanjung Bungah.

Hospital dan klinik untuk orang awam perlu diselenggara untuk memastikan orang awam dapat perkhidmatan kesihatan yang baik dan penuh profesional. Saya ingin memohon maklumat dan maklum balas berikut daripada Kementerian Kesihatan untuk perkara-perkara di bawah:

- (i) memohon menyenaraikan projek dan jumlah peruntukan pembangunan yang diperolehi oleh setiap satu hospital dan klinik di Parlimen Bukit Bendera pada tahun 2018 dan tahun 2019;

- (ii) senaraikan kekuatan staf, doktor, jururawat, bilangan katil di setiap satu hospital dan klinik di Parlimen Bukit Bendera pada tahun 2018 dan tahun 2019;
- (iii) apakah nisbah doktor berbanding jumlah penduduk di Parlimen Bukit Bendera.

Saya memohon supaya Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Kesihatan dapat memberikan jawapan terhadap setiap satu persoalan yang dibangkitkan di atas. Terima kasih.

### 2.35 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Aaron Ago Dagang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas soalan Yang Berhormat Bukit Bendera dalam Kamar Khas pada hari ini.

Saya melihat soalan ini boleh dibahagikan kepada dua seksyen iaitu:

- (i) projek dan peruntukan pembangunan bagi kawasan Parlimen Bukit Bendera; dan
- (ii) kekuatan staf dan fasiliti yang sedia ada di Bukit Bendera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambah baik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia. Bagi negeri Pulau Pinang, tahun 2018 peruntukan sebanyak RM5.06 juta diperuntukkan untuk naik taraf dan ubah suai fasiliti, RM81.2 juta untuk perkhidmatan sokongan hospital, RM74 juta untuk perkhidmatan sokongan klinik di seluruh negeri Pulau Pinang.

Peruntukan yang telah diagihkan untuk Bukit Bendera adalah untuk memperbaiki bumbung kuarters sebanyak RM80,000, untuk blok *Amblyopia Centre* di kedua-dua di Hospital Pulau Pinang RM200,000, itu adalah untuk 2018 sebab soalan ada diberi kepada 2018 dan 2019. Bagi 2019, jumlah peruntukan bagi Pulau Pinang adalah RM4.2 juta untuk naik taraf dan pembaikan fasiliti hospital, RM88 juta untuk perkhidmatan sokongan hospital, RM74 juta untuk sokongan klinik-klinik di negeri Pulau Pinang.

Jadi dalam 2019 juga, peruntukan untuk Bukit Bendera adalah cuma RM314,000 untuk menaik taraf laluan kecemasan, RM258,000 untuk bilik induksi dan dewan bedah Hospital Pulau Pinang, RM38,000 untuk naik taraf komputer di Hospital Pulau Pinang. Akan tetapi ada empat buah projek yang amat besar yang telah diluluskan oleh Jabatan Perdana Menteri bagi kawasan Bukit Bendera dan Hospital Pulau Pinang terletak di kawasan Parlimen Bukit

Bendera. Satu daripada projek, membina blok baru untuk perkhidmatan *stem cell* di Hospital Pulau Pinang yang akan peruntukan sebanyak RM19.5 juta.

Untuk Blok Wanita dan Kanak-kanak Hospital Pulau Pinang sebanyak RM307 juta, untuk kuarters Pulau Pinang sebanyak RM74 juta dan untuk Blok Klinik Pakar dan Wad Hospital Pulau Pinang berjumlah RM500 juta. Jadi kementerian ini juga bekerjasama dengan JKR dan agensi-agensi kerajaan lain untuk sentiasa bekerjasama erat untuk memastikan projek-projek ini akan disalurkan dengan lancarnya.

Dari segi kekuatan katil yang sedia ada di Hospital Pulau Pinang, setakat ini untuk 2018, kita mempunyai 1,163 buah katil, turun sedikit kepada 1,158 disebabkan masalah COVID yang dalam tiga empat bulan yang lalu disebabkan penjarakan.

Dari segi anggota kesihatan, 2018 kita ada 4,640 anggota, naik kepada 4,841, naik 4.3 peratus.

Dari segi pengisian, kita ada lima skim perjawatan yang begitu besar. Bagi 2018 dan 2019, pegawai perubatan pakar kita ada 2017. Untuk 2018, naik kepada 2022. Seterusnya kepada pegawai pergigian, pegawai farmasi, penolong pegawai perubatan dan sebagainya, data-datanya adalah terkandung dalam jawapan ini. Saya tidak perlu membaca sebab ia agak panjang.

#### ■1440

Dari segi nisbah yang ditanya oleh Yang Berhormat, anggota perubatan di kawasan Bukit Bendera tetapi kita tidak ada untuk diberikan kepada kawasan Parlimen. Selalunya kita mempunyai nisbah bagi satu-satu negeri. Jadi di Pulau Pinang, data yang kita ada pada 2018 adalah 1:446. Itu adalah lebih rendah daripada *national average*. *National average* adalah 1:530. Kalau dibandingkan dengan Sarawak 1 : 662, yang paling rendah adalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1 : 244. Sekian, terima kasih.

### **Statistik Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad**

#### **2.41 ptg.**

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Saya ingin meminta pihak kementerian memberikan maklumat mengenai:

- (i) bilangan berapa buah syarikat;
- (ii) nilai jumlah aset berkenaan; dan

- (iii) nilai jumlah liabiliti berkenaan bagi syarikat-syarikat yang diletakkan di bawah proses-proses berikut pada setiap suku tahun untuk tahun 2018, 2019 dan 2020 (sehingga bulan Jun 2020):
- (a) kompromi atau perkiraan dengan pemiutang dan anggota (*compromise or arrangement with creditors and members*);
  - (b) penerimaan (*receivership*);
  - (c) perkiraan sukarela korporat (*corporate voluntary arrangement*);
  - (d) pengurusan kehakiman (*judicial management*);
  - (e) penggulangan sukarela anggota (*members' voluntary winding up*);
  - (f) penggulangan sukarela pemiutang (*creditors' voluntary winding up*);
  - (g) penggulangan oleh mahkamah (*winding up by court*) dengan pengamal insolvensi (*insolvency practitioner*) sebagai penyelesai (*liquidator*); dan
  - (h) penggulangan oleh mahkamah (*winding up by court*) dengan pegawai penerima (*official receiver*) sebagai penyelesai (*liquidator*).

Daripada bilangan syarikat-syarikat tersebut, sila nyatakan bilangan beberapa buah syarikat pemaju perumahan yang terlibat serta nilai jumlah aset berkenaan dan nilai jumlah liabiliti berkenaan. Sila juga memberikan maklumat mengenai:

- (i) bilangan beberapa buah syarikat;
- (ii) nilai jumlah aset berkenaan;
- (iii) nilai jumlah liabiliti berkenaan; dan
- (iv) sudah berapa tahun secara purata syarikat-syarikat yang masih berada di dalam proses-proses berikut pada 30hb Jun 2020:
  - (a) kompromi atau perkiraan dengan pemiutang dan anggota (*compromise or arrangement with creditors and members*);
  - (b) penerimaan (*receivership*);
  - (c) perkiraan sukarela korporat (*corporate voluntary arrangement*);
  - (d) pengurusan kehakiman (*judicial management*);

- (e) penggulungan sukarela anggota (*members' voluntary winding up*);
- (f) penggulungan sukarela pemiutang (*creditors' voluntary winding up*);
- (g) penggulungan oleh mahkamah (*winding up by court*) dengan pengamal insolvensi (*insolvency practitioner*) sebagai penyelesai (*liquidator*); dan
- (h) penggulungan oleh mahkamah (*winding up by court*) dengan pegawai penerima (*official receiver*) sebagai penyelesai (*liquidator*).

Daripada bilangan syarikat-syarikat tersebut, sila nyatakan bilangan beberapa buah syarikat pemaju perumahan yang terlibat serta nilai jumlah aset berkenaan dan nilai jumlah liabiliti berkenaan. Saya juga ingin minta pihak kementerian menyatakan:

- (i) bilangan berapa buah syarikat;
- (ii) nilai jumlah aset berkenaan; dan
- (iii) nilai jumlah liabiliti berkenaan bagi perkongsian liabiliti terhad yang diletakkan di bawah proses-proses berikut pada setiap suku tahun untuk tahun 2018, 2019 dan 2020 (sehingga bulan Jun 2020):
  - (a) penerimaan oleh mahkamah (*receivership by court*);
  - (b) penggulungan oleh mahkamah (*winding up by court*); dan
  - (c) penggulungan secara sukarela (*voluntary winding up*).

Sila juga menyatakan bilangan Pengamal Insolvensi atau penyelesai diluluskan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di setiap negeri. Saya ingin tanya, bilakah Kaedah-kaedah Penggulungan Syarikat yang baharu dapat dibuat untuk diguna pakai bersama Akta Syarikat 2016? Saya juga ingin tanya, memandangkan impak COVID-19 terhadap ekonomi, apakah inisiatif pihak kerajaan untuk mengurangkan kos dan mempercepat proses penggulungan syarikat? Sekian, terima kasih.

**2.47 ptg.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan maklumat nilai jumlah aset dan liabiliti syarikat yang di

dalam proses kompromi atau perkiraan dengan pemiutang dan anggota, penerimaan, perkiraan sukarela korporat, pengurusan kehakiman, penggulangan sukarela anggota, penggulangan sukarela pemiutang dan penggulangan oleh mahkamah dan selepas ini dirujuk sebagai proses-proses tersebut yang dirujuk di dalam ucapan Yang Berhormat Tebrau. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ingin memaklumkan bahawa SSM menerima dokumen yang mengandungi nilai jumlah aset dan liabiliti syarikat tersebut di dalam bentuk imej.

Untuk makluman Yang Berhormat, storan dalam bentuk imej ini adalah syarat yang perlu dipatuhi oleh semua syarikat di bawah Akta Syarikat 2016. Oleh sebab keupayaan untuk mengekstrak data melibatkan jumlah syarikat yang terlalu besar, maka ia memerlukan masa ataupun tempoh masa yang panjang untuk menjumlahkan semua nilai aset dan liabiliti keseluruhan syarikat tersebut.

Namun begitu, sekiranya Yang Berhormat Tebrau ingin mendapatkan maklumat nilai jumlah aset dan liabiliti syarikat yang tertentu, SSM boleh membekalkan maklumat spesifik yang berkaitan kecuali bagi proses kompromi atau perkiraan dengan pemiutang dan anggota syarikat di mana tiada keperluan di bawah Akta Syarikat 2016 untuk menyerah simpan dokumen yang mengandungi nilai jumlah aset dan liabiliti bagi proses ini.

Bagi maklumat jumlah aset dan liabiliti perkongsian liabiliti terhad (PLT) yang dipohon oleh Yang Berhormat, statistik adalah berdasarkan penggulangan PLT secara mahkamah dan secara sukarela. Untuk makluman Yang Berhormat, tiada PLT dari sektor perumahan yang digulung dan tiada permohonan diterima untuk meletakkan PLT di bawah penerimaan sejak Akta PLT 2012 dikuatkuasakan.

Bagi permohonan penggulangan sukarela PLT, syarat bagi permohonan adalah PLT tidak mempunyai sebarang liabiliti di mana setiap pemohon dikehendaki membuat akuan bahawa PLT telah berhenti beroperasi dan tidak mempunyai liabiliti.

#### ■1450

Di bawah Akta PLT 2012, tiada keperluan untuk PLT untuk membekalkan jumlah aset. Oleh itu, nilai aset tidak dapat dibekalkan. Bagi penggulangan secara mahkamah, setakat hari ini SSM belum menerima serah simpan penyata hal ehwal. Oleh itu, nilai jumlah aset dan liabiliti tidak dapat dibekalkan.

Berhubung bilangan syarikat dan PLT yang terlibat di dalam proses-proses yang dipohon oleh Yang Berhormat, maklumat bilangan syarikat dan



PLT tersebut telah disediakan dalam bentuk jadual. Pihak KPDNHEP akan mengemukakan maklumat bilangan syarikat dan PLT tersebut secara bertulis kepada Yang Berhormat sebagaimana di Lampiran 1 nanti ya agar mudah disampaikan dan difahami.

Untuk makluman Yang Berhormat Tebrau, bagi syarikat solven, serah simpan penyata kewangan secara elektronik melalui proses *Malaysian Business Reporting System* (MBRS) yang diperkenalkan oleh SSM dalam tahun 2018 adalah secara sukarela dan masih belum dapat diwajibkan keseluruhannya memandangkan syarikat masih memerlukan masa, memahami penyediaan penyata kewangan dalam format *eXtensible Business Reporting Language* (XBRL).

Akademi Latihan SSM sejak 2018 giat melaksanakan program latihan berhubung serah simpan dua dokumen penting syarikat itu iaitu penyata tahunan dan penyata kewangan melalui portal MBRS tersebut. Serah simpan penyata tahunan telah berjaya diwajibkan secara berperingkat pada tahun 2019. Manakala bagi penyata kewangan, latihan masih berjalan.

Manakala bagi pertanyaan Yang Berhormat Tebrau berhubung pindaan kepada Kaedah-kaedah Atau Penggulangan Syarikat 1972 dan inisiatif pihak kerajaan untuk mengurangkan kos dan mempercepatkan proses penggulangan syarikat. Jawapan kami adalah seperti berikut:

- (a) Cadangan pindaan kepada *winding out rules* sedang dimuktamadkan dan dijangka akan dibentangkan kepada *rules committee* untuk kelulusan pada tahun hadapan 2021 dengan mengambil kira pindaan terhadap Akta Syarikat 2016 yang dicadangkan untuk di bentang pada penghujung tahun ini.
- (b) Manakala bagi inisiatif pihak kerajaan untuk mengurangkan kos dan mempercepatkan proses penggulangan syarikat. Pada masa ini SSM sedang dalam proses meminda Akta Syarikat 2016 untuk memperkenalkan polisi-polisi berkenaan pelaporan pemunya (*beneficial*), mekanisme penyelamat korporat, skim perkiraan dan penstrukturan dan juga proses penggulangan syarikat. Polisi-polisi yang diperkenalkan bakal membantu syarikat untuk terus berdaya saing terutamanya bagi membantu syarikat yang menghadapi masalah kewangan.

- (c) Berkenaan proses penggulangan syarikat, SSM akan memperkenalkan suatu prosedur yang boleh memudahkan proses penggulangan syarikat termasuk medium pengiklanan notis yang lebih mudah dan lebih *cost effective*. Cadangan pindaan ke atas Akta Syarikat 2016 ini dijangka akan dibentangkan pada sesi Parlimen penghujung tahun ini 2020.

Jadi Yang Berhormat, untuk maklumat-maklumat yang diminta secara terperinci, kami akan menghantar 20 jadual untuk statistik-statistik mengandungi maklumat yang diminta oleh Yang Berhormat secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis 23 Julai 2020. Terima kasih.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.55 petang]***